



PASUKAN Gerakan Am (PGA) menggempur lokasi diberi jolokan 'Little Dhaka' di Jalan Silang, Kuala Lumpur kelmarin.

# Batal, gantung lesen peniaga, jika diberi sewa kepada warga asing

KUALA LUMPUR — Lesen peniaga di Jalan Silang boleh dibatalkan ataupun digantung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekiranya didapati melanggar peraturan perniagaan dengan menyewakan premis mereka kepada warga asing.

Menyertai sidang media di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, lesen yang diberikan kepada pemilik harus digunakan sebaik mungkin dan tidak diberikan kepada warga asing untuk bermula.

"Jadi, saya sedang mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenainya. Ia juga adalah antara

tumpuan utama DBKL dalam membanteras lambakan peniaga warga asing yang terus menguasai lokasi perniagaan utama di ibu kota," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kasih Harapan Kak Wan Siri 3, di sini semalam.

Selain itu, katanya, pihaknya kini sedang menunggu maklumat menyeluruh daripada Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah melaksanakan operasi bersepadu berkenaan di Jalan Silang Khamis lalu.

Kelmarin, Kosmo! melaporkan seramai 1,101 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan hasil serbuan terhadap 60 premis di sekitar Jalan Silang dalam operasi bersepadu yang dijalankan PGA bagi membanteras jenayah yang berlaku sekitar kawasan itu.

Turut ditemukan pelbagai jenis ubat-ubatan dipercayai dari Bangladesh yang tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan (KKM).

Malah, serbuan turut menemukan premis yang dijadikan bilik sewa dalam keadaan berselerak, kotor dan jijik dipercayai dihuni warga asing.